



PANDUAN PELANTIKAN, PEMBAHARUAN DAN PENAMATAN BADAN PENERAJU INDUSTRI

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JANUARI 2021

Senarai Lampiran

Lampiran 1	Carta Alir Proses Pelantikan ILB Baharu
Lampiran 2	Senarai Semak Proses Verifikasi Permohonan Pelantikan ILB Baharu
Lampiran 3	Carta Alir Proses Pembaharuan Pelantikan ILB
Lampiran 4	Senarai Semak Proses Verifikasi Permohonan Pembaharuan Pelantikan ILB
Lampiran 5	Carta Alir Proses Penamatan Pelantikan ILB

PANDUAN PELANTIKAN, PEMBAHARUAN DAN PENAMATAN BADAN PENERAJU INDUSTRI

1. PENDAHULUAN

Panduan Pelaksanaan pelantikan, pembaharuan dan penamatan Badan Peneraju Industri ini (selepas ini disebut sebagai “Panduan ini”) bertujuan memberi panduan mengenai proses pelantikan, pembaharuan dan penamatan badan peneraju industri (selepas ini disebut sebagai “ILB”). Panduan ini merupakan kenyataan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

2. TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**JKT-ILB**” ertinya Jawatankuasa Teknikal yang membincangkan hal ehwal pelantikan ILB baharu, pembaharuan pelantikan ILB, penamatan pelantikan ILB dan hal ehwal berkaitan dengan ILB.

“**MPKK**” ertinya Majlis Penasihat Kemahiran Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

“**MSIC**” ertinya Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia yang dikawalselia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

“**PB**” ertinya penyedia latihan kemahiran yang telah diluluskan oleh KPPK.

“**PEMANDU**” ertinya Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

“**PPA**” ertinya pusat penilaian amali bagi kaedah PPT.

“**Sijil**” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan oleh KPPK di bawah Seksyen 34 Akta 652.

“**Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational SkillsStandard, NOSS)**” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

“**Urus Setia ILB**” ertinya Bahagian Kerjasama Strategik yang menyelia hal ehwal ILB.

3. SENARAI RINGKASAN

Akta 652	-	Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006
CIAST	-	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
EPP	-	<i>Entry point project</i>
IKS	-	Industri kecil dan sederhana
ILB	-	Badan peneraju industri
IR4.0	-	Revolusi Industri 4.0
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
KSU	-	Ketua Setiausaha
NOSS	-	National Occupational Skills Standard
PIPK	-	Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan
PPT	-	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PPV	-	Personel Penilaian dan Verifikasi
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
TVET	-	Technical and Vocational Education and Training

4. PENGENALAN ILB

4.1 Definisi ILB

Badan Peneraju industri (ILB) merupakan agensi yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran / Kementerian Sumber Manusia untuk menerajui sesuatu sektor industri bertujuan memangkin pembangunan sumber manusia mahir melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

4.2 Latar Belakang

Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (PIPK) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2008 telah merencanakan penubuhan ILB. PIPK merupakan pelan jangka panjang negara untuk mengurus perdana latihan kemahiran mulai tahun 2008 hingga tahun 2020. JPK telah

mencadangkan konsep ILB untuk kelulusan KSM pada tahun 2010 iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bertujuan untuk menangani empat (4) isu berikut:

- i. Keupayaan membangunkan 5,000 NOSS yang dinamik;
- ii. Meningkatkan enrolmen perantis, penyertaan IKS serta penglibatan syarikat dalam SLDN;
- iii. Memperluaskan persijilan kepada pekerja industri melalui kaedah PPT; dan
- iv. Membangunkan kajian berkaitan penawaran dan permintaan tenaga kerja mahir bagi setiap bidang.

KSM telah meluluskan cadangan tersebut berdasarkan asas-asas pertimbangan berikut:

- i. Kelulusan penubuhan ILB oleh Mesyuarat MPKK pada 24 Mac 2009;
- ii. Melalui PIPK 2008-2020 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 03 Mei 2008, JPK telah mensasarkan penubuhan ILB mengikut sektor industri iaitu 3 ILB setiap tahun;
- iii. Kewujudan ILB di luar negara sebagai satu contoh penandaarasan; dan
- iv. ILB sebagai ejen penghubung industri.

PEMANDU telah menyokong cadangan penubuhan ILB ini melalui EPP 5 yang menyentuh mengenai TVET negara. Konsep ILB ini telah diperkukuhkan lagi semasa Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

4.3 Peranan ILB

Peranan ILB adalah seperti berikut:

- i. Memberi nasihat dan maklumat terkini berkaitan industri kepada JPK terutamanya bagi perkara yang melibatkan hal ehwal latihan kemahiran.
- ii. Sebagai jurucakap mewakili majikan dan pekerja bagi bidang industri yang diwakili;
- iii. Bekerjasama dengan pihak JPK membangunkan sumber manusia dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir;
- iv. Menjadi penghubung dalam memberi maklumbalas secara terus kepada JPK berkaitan keperluan pihak industri supaya pembangunan standard dan kerangka pekerjaan berasaskan kepada keperluan sebenar.
- v. Mempromosikan SPKM kepada industri.

5. KRITERIA PELANTIKAN SEBAGAI ILB

5.1 Entiti yang menawarkan diri untuk dilantik sebagai ILB perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Mengawalselia sektor industri atau bidang yang diwakili merujuk kepada akta tertentu; atau
- ii. Memiliki mandat daripada pihak berkuasa berkaitan; atau
- iii. Mendapat mandat daripada pemain utama industri berkaitan; atau
- iv. Terdapat hanya satu organisasi/badan sahaja yang mengawalselia industri berkenaan; DAN
- v. Memenuhi keperluan semasa JPK (Sektor/Industri/Bidang yang mempunyai permintaan tenaga kerja yang tinggi, memenuhi landskap ekonomi dan demografi pekerjaan semasa serta bidang popular/utama merujuk kepada Laporan MySPIKE terkini)

6. TEMPOH PELANTIKAN

Pelantikan ILB adalah **minima satu (1) tahun** atau mana-mana tempoh yang dipersetujui oleh KSU KSM.

7. PELANTIKAN ILB BAHARU

7.1 Pelantikan ILB baharu adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Cadangan pelantikan ILB baharu mesti dibentang kepada JKT-ILB. Urus Setia ILB akan membentangkan cadangan pelantikan ILB baharu kepada Mesyuarat JKT-ILB;
- ii. Keputusan syor Mesyuarat JKT-ILB akan dipanjangkan kepada KPPK untuk ulasan dan persetujuan;
- iii. Ulasan KPPK akan diangkat kepada KSU KSM untuk kelulusan.

7.2 Sijil pelantikan ILB akan dikeluarkan kepada mana-mana agensi yang diluluskan pelantikan sebagai ILB.

7.3 Carta alir pelantikan ILB baharu adalah sebagaimana **Lampiran 1** dan Senarai semak proses verifikasi permohonan pelantikan ILB baharu adalah sebagaimana **Lampiran 2**.

8. PEMBAHARUAN PELANTIKAN ILB

8.1 ILB sedia ada boleh memohon kepada JPK untuk memperbaharui pelantikan sebagai ILB selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh tamat pelantikan.

8.2 Dokumen sokongan untuk permohonan pelantikan sebagai ILB adalah sebagaimana berikut:

- i. Surat permohonan pembaharuan pelantikan ILB;
- ii. Pelan jangka masa pendek dan panjang ILB untuk memperkukuhkan dan memastikan SPKM relevan di industri; dan
- iii. Ulasan urus setia mengenai prestasi dan impak pelaksanaan aktiviti sepanjang pelantikan sebagai ILB.

8.3 Pembaharuan pelantikan ILB adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Cadangan pembaharuan pelantikan ILB mesti dibentangkan kepada JKT-ILB. Urus Setia ILB akan membentangkan cadangan pembaharuan pelantikan ILB kepada Mesyuarat JKT-ILB;
- ii. Keputusan syor Mesyuarat JKT-ILB akan dipanjangkan kepada KPPK untuk ulasan dan persetujuan;
- iii. Ulasan KPPK akan diangkat kepada KSU KSM untuk kelulusan.

8.4 Sijil pelantikan ILB akan dikeluarkan kepada mana-mana agensi yang diluluskan pelantikan semula sebagai ILB.

8.5 Carta alir pembaharuan pelantikan ILB adalah sebagaimana **Lampiran 3** dan senarai semak proses verifikasi permohonan pembaharuan pelantikan ILB adalah sebagaimana **Lampiran 4**.

9. PENAMATAN PELANTIKAN ILB

9.1 ILB boleh dicadangkan untuk ditamatkan pelantikan sebagai ILB disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. ILB didapati mengambil tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang memberi impak negatif kepada SPKM atau JPK; atau
- ii. Urus Setia ILB mendapati tahap komunikasi, komitmen dan pelaksanaan aktiviti ILB adalah rendah terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh KSM, JPK dan CIAST; atau

- iii. ILB memohon untuk ditamatkan pelantikan dengan mengemukakan justifikasi yang munasabah; atau
- iv. Tempoh pelantikan sebagai ILB telah tamat dan tiada permohonan pembaharuan daripada ILB.

9.2 Penamatan ILB adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Cadangan penamatan ILB mesti dibentang kepada JKT-ILB. Urus Setia ILB akan membentangkan cadangan penamatan ILB kepada Mesyuarat JKT-ILB;
- ii. Keputusan syor Mesyuarat JKT-ILB akan dipanjangkan kepada KPPK untuk ulasan dan persetujuan;
- iii. Ulasan KPPK akan diangkat kepada KSU KSM untuk kelulusan.

9.3 Carta alir penamatan pelantikan ILB adalah sebagaimana **Lampiran 5**.

10. AKTIVITI

10.1 Melalui pelantikan sebagai ILB, JPK akan bekerjasama dengan ILB untuk merangka aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesan positif kepada SPKM dan TVET. Aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Aktiviti	Catatan
1	Promosi	Pendekatan hebahan untuk menyampaikan perkhidmatan JPK kepada rakyat Malaysia.
2	Pembangunan standard	Aktiviti untuk membangunkan standard pekerjaan atau standard kompetensi yang diperlukan oleh industri di Malaysia.
3	Pembangunan kerangka pekerjaan	Aktiviti kajian yang bertujuan memaparkan senarai pekerjaan berasaskan kemahiran yang wujud dalam industri di Malaysia.
4	Pembangunan kajian	Aktiviti untuk mengumpul data pekerja mahir, status penawaran dan permintaan semasa, fisibiliti atau <i>environmental scan</i> .
5	PPT	Aktiviti ILB membantu JPK untuk mengenalpasti pekerja mahir di industri dan mengiktiraf kemahiran yang dimiliki.

6	Mana-mana aktiviti yang dicadangkan oleh ILB dan tertakluk kepada kelulusan JPK	Aktiviti yang dicadangkan mesti memberi impak kepada pelaksanaan SPKM
---	---	---

11. IMPAK

Instrumen untuk mengukur impak pelantikan ILB melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:


- i. Kewujudan polisi pengambilan pekerja yang mensyaratkan sijil sebagai kelayakan mengisi jawatan atau untuk menjalankan sesuatu tugas;
- ii. Bilangan pemegang sijil bagi bidang yang diwakili menunjukkan peningkatan tahunan;
- iii. Kewujudan polisi kadar upah yang menggunakan sijil sebagai rujukan.
- iv. Penggunaan NOSS oleh majikan/industri;
- v. Peningkatan statistik PB-SLaPB dan PB-SLDN bagi bidang yang diwakili oleh ILB;
- vi. Pertambahan PPV bagi bidang-bidang kritikal.

12. TARIKH KUATKUASA

Panduan Pelantikan, Pembaharuan dan Penamatan Badan Peneraju Industri ini mula berkuatkuasa pada 2 Januari 2021.

Pengarah
Bahagian Kerjasama Strategik
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
2 Januari 2021.

Lampiran 1: Carta Alir Proses Pelantikan ILB Baharu




Lampiran 2: Senarai Semak Proses Verifikasi Permohonan Pelantikan ILB Baharu

Bil.	Perkara	Catatan
1	Demografi pemohon	Sejarah penubuhan, misi, visi, fungsi, piagam pelanggan, lembaga pengarah, carta organisasi, gambar pejabat/bangunan, senarai <i>office bearer</i> , alamat pejabat, maklumat ahli bersekutu
2	Akta / polisi / perundangan	
3	Pendaftaran pertubuhan	Salinan sijil pendaftaran Carta organisasi kementerian bagi entiti berkaitan kerajaan
4	Nama bidang diwakili pemohon	
5	Cakupan MSIC bidang pemohon	
6	Mandat	Surat sokongan daripada Kementerian yang berkaitan atau pemain-pemain industri berkaitan
7	Rekod penglibatan dengan kementerian (selain KSM) dan industri	Nama aktiviti
		Objektif aktiviti
		Kapasiti
		Impak
8	Keperluan semasa JPK	Adakah bidang yang diwakili pemohon merupakan bidang yang menjadi keutamaan/sasaran JPK?
		Adakah telah sedia wujud polisi atau perundangan daripada kementerian lain yang menyentuh kepada aspek pembangunan berkaitan bidang pemohon?
		Adakah wujud program pertandingan kemahiran bagi bidang pemohon?

		Senaraikan pemegang taruh (kementerian, agensi kerajaan, NGO, senarai majikan) yang sedia wujud dalam bidang yang diwakili oleh pemohon.
		Anggaran pekerja sedia ada yang boleh dipersijilkan melalui kaedah PPT?
		Kemampuan untuk menjadikan SKM sebagai syarat pengambilan pekerja?
		Adakah telah sedia wujud pusat bertauliah atau penyedia latihan kemahiran berkaitan bidang pemohon?
9	Perancangan jangka masa pendek dan panjang	Perancangan pemohon mengenai pendekatan yang akan digunapakai untuk memartabatkan TVET dan SPKM dalam bidang yang diwakili. Tempoh jangka pendek merujuk kepada dua (2) tahun dan tempoh jangka panjang merujuk kepada lima (5) tahun.
10	Lanskap ekonomi	Data berkaitan bidang yang diwakili pemohon terhadap lanskap ekonomi negara.
11	Demografi pekerjaan	Data semasa mengenai keperluan pekerjaan dalam bidang yang diwakili pemohon.
		Adakah bidang berkenaan mengalami isu kekurangan pekerja mahir?
		Sejauh mana ILB relevan dilantik untuk bidang berkenaan?
12	Komitmen pemohon	Jika dilantik sebagai ILB, bagaimana pemohon merancang atau menyelaras keperluan industri dari perspektif SPKM?
		Kenapa nak jadi ILB?
13	Elemen <i>green</i>	Senaraikan elemen <i>green</i> yang wujud dalam industri yang diwakili pemohon.
14	Elemen IR4.0	Senaraikan elemen IR4.0 yang wujud dalam industri yang diwakili pemohon.
15	Maklumat pekerjaan	Adakah telah sedia wujud NOSS yang berkaitan dengan bidang pemohon?
		Jika ada, semak: <ul style="list-style-type: none"> • Senarai NOSS;

		<ul style="list-style-type: none"> • Senarai PB-SlaPB;; • Senarai PB-SLDN; • Senarai PPA dan PB-PPT; • Senarai sijil yang telah dikeluarkan; • Senarai kerjasama (aktif dan tidak aktif); dan • Adakah sijil berkaitan bidang pemohon telah dikeluarkan?
16	Pemegang taruh dalam bidang pemohon	Badan profesional
		Badan pelesenan
		Badan persijilan
		Organisasi bukan kerajaan

Lampiran 3: Carta Alir Proses Pembaharuan Pelantikan ILB



Lampiran 4

Senarai Semak Proses Verifikasi Permohonan Pembaharuan Pelantikan ILB

Bil.	Perkara	Catatan
1	Surat permohonan pembaharuan pelantikan ILB	
2	Perancangan jangka masa pendek dan panjang	Perancangan pemohon mengenai pendekatan yang akan digunakan untuk memartabatkan TVET dan SPKM dalam bidang yang diwakili. Tempoh jangka pendek merujuk kepada dua (2) tahun dan tempoh jangka panjang merujuk kepada lima (5) tahun.
3	Senarai aktiviti yang dijalankan sepanjang lantikan sebagai ILB	
	ATAU	
4	Impak	Kewujudan polisi pengambilan pekerja yang mensyaratkan sijil sebagai kelayakan mengisi jawatan atau untuk menjalankan sesuatu tugas. Bilangan pemegang sijil bagi bidang yang diwakili menunjukkan peningkatan tahunan. Kewujudan polisi kadar upah yang menggunakan sijil sebagai rujukan.

Lampiran 5

Carta Alir Proses Penamatan Pelantikan ILB

